



UUM ONLINE: Seramai 630 kakitangan Unlutama Property Sdn. Bhd. (UPSB) syarikat milik penuh Universiti Utara Malaysia (UUM) terima bantuan kewangan sebanyak RM100 seorang baru-baru ini.

Menurut Naib Canselor Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak pembahagian duit raya itu adalah bagi menghargai jasa mereka yang turut membantu membangunkan kampus ini.

"Mereka juga perlu diberi penghargaan kerana bersama-sama warga universiti lain samada dari kalangan tenaga akademik, pentadbiran maupun sokongan yang bertindak memberi perkhidmatan di UUM," ujar beliau ketika ditemui di majlis jamuan hari raya bagi meraikan mereka di Dewan Tan Sri Othman Yeop pagi tadi.

Beliau menambah jasa mereka perlu dihargai dan penyertaan kalangan pentadbir universiti seperti ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara satu sama lain.

Sementara itu Pengurus Besar UPSB, Dato' Shari Osman ketika ditemui melahirkan rasa terharu kerana kehadiran Naib Canselor ke majlis sambutan hari raya yang diadakan itu.

"Rata-rata mereka yang hadir di majlis itu berasa gembira kerana bukan sahaja disajikan dengan makanan istimewa malah Prof. Dr. Mohamed Mustafa sudi meluangkan masa untuk beramah mesra dan menyampaikan hadiah cabutan bertuah di majlis itu.

Sempena program itu lebih 100 hadiah disediakan untuk diagihkan kepada mereka yang bernasib baik dalam cabutan bertuah.

UPSB yang ditubuhkan pada 14 Mac 2004 ialah bagi menguruskan urusan berkaitan hartanah dan penyenggaraan di UUM dengan modal yang dibenarkan sebanyak RM 5,000,000.00.

630 kakitangan ini terdiri daripada Jabatan Korporat, Jabatan Pembersihan, Jabatan Perhutanan serta Jabatan Pertanian dan Landskap.

Habis.

=====
DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT